

PERLINDUNGAN UNDANG-UNDANG KE ATAS PEREMPUAN PEKERJA  
RUMAH TANGGA (DOMESTIC WORKERS) DI INDONESIA

Sri Turatmiyah<sup>1</sup> dan Annalisa Y<sup>2</sup>  
Universitas Sriwijaya, Indonesia

## ABSTRAK

Pekerja Rumah Tangga (PRT) merupakan pekerja di sektor tidak rasmi iaitu sektor yang tidak teratur (*unorganized*), tidak terkawal (*unregulated*), dan tidak berdaftar (*unregistered*). Ketiga-tiga indikator ini menyebabkan PRT tidak mendapat perlindungan undang-undang. PRT yang sebahagian besar adalah perempuan tidak dikategorikan sebagai profesi. Oleh itu, jaminan hak-hak mereka tidak tersentuh oleh undang-undang. Dalam realitinya, PRT terutama perempuan merupakan profesi yang sangat mudah terdedah, disebabkan oleh pelbagai faktor. Pertama; kewujudan PRT sangat bergantung kepada permintaan pasar. Kedua; sangat jarang terjadi kontrak kerja bertulis yang adil antara majikan dan PRT. Ketiga; PRT adalah fleksibel dalam mengatur jam kerja yang mana bekerja lebih keras dan lebih lama. Keempat; upah PRT sangat rendah jika dibanding dengan jam kerjanya. Sementara itu, Undang-undang No. 13 Tahun 2003 tentang Ketenagakerjaan belum mengatur hak-hak PRT. Oleh yang demikian, menyebabkan hak-hak PRT menjadi lemah, kerana tidak menjamin hak-haknya. Kertas kerja ini membincangkan tentang PRT yang menjadi subordinat bagi majikan dan hak-hak PRT yang belum mendapat perlindungan undang-undang. Di masa hadapan Indonesia harus segera mengesahkan rang Undang-undang Perlindungan PRT dan meratifikasi konvensyen Antarabangsa (ILO No. 189). Pengesahan rang Undang-undang Perlindungan PRT dijangkakan merubah paradigma bahawa PRT adalah pekerjaan perempuan yang tidak produktif dan tidak memiliki nilai ekonomi menjadi sebuah profesi yang patut dihargai dan setara dengan profesi lainnya. Disisi lain paradigma PRT akan bergeser menjadi posisi yang lebih simetris, kerana PRT dan majikan terikat hubungan kerja yang dijamin oleh undang-undang berdasarkan kontrak bertulis yang lebih memberikan perlindungan ke atas PRT.

Kata kunci: Pekerja rumah tangga, perlindungan undang-undang dan hak-hak PRT

## Pengenalan

Pasal 27 (2) Undang-Undang Dasar Republik Indonesia 1945 menyebutkan bahawa tiap-tiap warga negara berhak atas pekerjaan dan penghidupan yang layak bagi kemanusiaan. Selanjutnya pasal 28 D (2) menyebutkan bahawa setiap orang berhak untuk bekerja serta mendapat imbalan dan perlakuan yang adil dan layak dalam hubungan pekerjaan. Namun dalam amalannya, para pekerja rumah tangga

<sup>1</sup> Pensyarah (Dosen Bagian Hukum Keperdataan), Fakultas Hukum Universitas Sriwijaya, Palembang, Indonesia.

<sup>2</sup> Pensyarah (Dosen Bagian Hukum Keperdataan), Fakultas Hukum Universitas Sriwijaya, Palembang, Indonesia.

(PRT) belum disebut sebagai pekerja bahkan jarang disebut sebagai pekerja (*workers*), tetapi hanya disebut sebagai pembantu (*helper*). Pemandangan masyarakat menganggap bahawa hubungan antara (PRT) dengan majikan hanya sebagai hubungan yang bersifat peribadi. Majikan memandang PRT sebagai peranan paternalistik seperti memberikan perlindungan, memberi makan, menyediakan tempat tinggal, pendidikan dan memberikan wang saku sebagai imbalan atas tenaga yang diberikan. Diperkuat lagi bahawa pekerjaan yang dikerjakan oleh PRT dilaksanakan di dalam rumah keluarga yang dinilai tidak produktif secara ekonomi.

Sehingga kini belum ada rumusan khusus yang bersifat rasmi tentang istilah atau pengertian PRT (*domestic workers*) dalam sistem undang-undang dan peraturan perundang-undangan di Indonesia. Perkataan pekerja (*worker*) daripada Pekerja Rumah Tangga merupakan sebuah wacana baru yang dikembangkan oleh Lembaga Swadaya Masyarakat (*Non Governmental Organization*) dan Pertubuhan Buruh Antarabangsa (*International Labour Organization/ ILO*) untuk menggantikan perkataan 'pembantu' (*servant*) (Sali, 2012). Melalui perubahan istilah pembantu rumah tangga menjadi pekerja diharapkan pekerjaan domestik boleh diakui sebagai suatu pekerjaan yang bersifat rasmi yang dilindungi oleh undang-undang ketenagakerjaan.

Banyak terjadi pelanggaran terhadap hak-hak PRT menyebabkan salah satu faktor stimulan munculnya kesedaran bahawa perlu suatu peraturan yang komprehensif tentang PRT yang dapat melindungi hak mereka. Rang Undang-Undang tentang Perlindungan Pekerja Rumah Tangga (PPRT) merupakan cadangan daripada Dewan Perwakilan Rakyat (parlimen) semenjak periode 2004-2009 yang merupakan Program Legislasi Nasional tahun 2004-2009. Setelah itu pada periode 2009-2014, RUU PPRT kembali menjadi salah satu prioriti dalam Program Legislasi Nasional tahun 2010, namun sehingga kini Undang-Undang PPRT belum lagi diwujudkan.

Di Indonesia, Pekerja Rumah Tangga (PRT) merujuk kepada pekerja rumah tangga yang bekerja pada keluarga di dalam negeri. Mereka merupakan kelompok pekerja dan masyarakat yang memiliki berbagai keunikan dengan pelbagai permasalahan yang dihadapi. Permasalahan tersebut adalah sesuatu perihal yang rumit dan memprihatinkan terkait dengan rasa kemanusiaan dan keadilan. Justeru persoalan rumit yang sangat memprihatinkan itu, tidak mendapat perhatian yang serius daripada pemerintah Indonesia. Majoriti pekerja rumah tangga (PRT) di Indonesia adalah perempuan, sama ada anak-anak mahupun orang dewasa (pekerja laki-laki merupakan pekerja yang minoriti dalam konteks PRT). Oleh itu, perhatian terhadap kelompok PRT yang majoriti perempuan tidak dapat dilepaskan dari agenda gerakan perempuan di Indonesia, kerana perkara ini tidak terlepas daripada cara pandang gender yang bias. Misalnya menempatkan persepsi pekerjaan rumah tangga sebagai pekerjaan tidak produktif, tidak memiliki nilai sosial, ekonomi dan politik. Pandangan stereotip tentang pekerjaan PRT dan pekerjaannya menjadi salah satu sumber munculnya kompleksitas permasalahan yang melingkupi pekerjaan PRT. Dalam masyarakat Indonesia, sebahagian kecil,

bahkan sangat minim yang menganggap pekerjaan rumah tangga sebagai suatu pekerjaan dan pekerjanya adalah pekerja. Dalam masyarakat Indonesia, bahkan masyarakat yang berstatus memiliki pendidikanpun, juga para pembuat kebijakan sekalipun, lebih suka menyebut PRT dengan nama stereotipikal yang cenderung merendahkan dengan sebutan yang populer adalah 'pembantu'.

Kes keganasan dan eksploitasi terhadap PRT sehingga kini masih terus terjadi. Beberapa kes yang dialami oleh pekerja rumah tangga (PRT) yang diproses hukum ternyata masih mengabaikan rasa keadilan bagi korban. Selain sebagai pekerja yang sangat dibutuhkan, PRT juga warga negara yang mempunyai hak asasi yang seharusnya dilindungi pemerintah dan masyarakat. Namun belum adanya UU PRT membuat belum ada jaminan PRT di Indonesia terbebas dari eksploitasi dan ketidakadilan. Indonesia sebagai negara hukum serta bermartabat dan menghormati HAM telah mempunyai dasar hukum yang seharusnya bisa melandasi terbentuknya Undang-Undang yang secara spesifik dapat melindungi PRT. Pengakuan harkat dan martabat PRT dan perlindungannya dalam negeri harus dilakukan melalui dukungan pemerintah RI terhadap pengesahan Konvensi ILO 189 tentang Kerja Layak bagi PRT dan pengesahan RUU PPRT. Berbagai kes keganasan dan eksploitasi terhadap PRT semestinya menjadikan dasar bagi pemerintah untuk segera membangun kerangka undang-undang untuk pengakuan dan perlindungan bagi PRT. Di Indonesia jumlah perempuan yang menjadi PRT cukup banyak dan kewujudannya sangatlah diperlukan. Namun perlindungan terhadap profesi ini masih lagi belum optimal. Oleh itu, maka kajian ini mengangkat permasalahan tentang bagaimana perlindungan undang terhadap perempuan sebagai pekerja rumah tangga (PRT) berdasarkan undang-undang di Indonesia; faktor-faktor yang menghambat pelaksanaan perlindungan undang-undang dan usaha yang dilakukan perempuan sebagai PRT apabila mengalami keganasan fizikal, psikologi, ekonomi mahupun seksual dalam bekerja, mengingat sampai saat ini belum wujud peraturan perundang-undangan yang mengatur secara khusus tentang PRT.

#### **Pekerja Rumah Tangga: Pekerja Formal atau Bukan Formal**

Dalam pergaulan masyarakat pelbagai macam hubungan antara ahli masyarakat, iaitu hubungan yang muncul kerana kepentingan anggota masyarakat. Aneka ragam hubungan itu, ahli masyarakat memerlukan peraturan-peraturan yang boleh menjamin keseimbangan supaya dalam hubungan tersebut tidak terjadi kekacauan dalam masyarakat. Untuk menjaga supaya peraturan-peraturan itu boleh berlangsung berterusan dan diterima oleh seluruh ahli masyarakat maka peraturan-peraturan yang ada hendaklah sesuai dan tidak boleh bertentangan dengan asas-asas keadilan daripada masyarakat tersebut (Kansil, 2011, *Pengantar Ilmu Hukum*, Jakarta: Rineka Cipta).

Indonesia sebagai negara hukum (*state law*), seperti yang diperuntukkan dalam pasal 1 ayat (3) UUD 1945 tentunya tidak asing lagi dalam amalan ketatanegaraan semenjak awal penubuhan negara sehingga sekarang. Namun

dalam amalan ketatanegaraan orang masih skeptis, apakah negara hukum itu sudah dilaksanakan sepenuhnya. Kerana dalam amalannya, pengertian menurut teori masih perlu dikaji dengan kenyataan hidup dalam bermasyarakat dan bernegara. Oleh itu tidak khairan jika cita-cita universal mengenai negara hukum yang demokratis sebagaimana diletakkan dalam perlembagaan sering dilanggar bahkan bertentangan dengan Hak Asasi Manusia (HAM). Seakan-akan negara hukum yang demokratis hanya mitos saja yang belum pernah terbukti dalam sejarah ketatanegaraan (Artina, 2010, *Politik Hukum Kesetaraan Gender di Indonesia*, Penerbit: Universitas Riau)

Berkaitan dengan demokrasi, bahawa kesetaraan merupakan sendi utama proses pendemokrasian kerana menjamin terbukanya akses dan peluang bagi seluruh elemen masyarakat. Tidak terwujudnya cita-cita demokrasi seringkali dicetuskan oleh perlakuan yang diskriminasi daripada mereka yang dominan sama ada secara struktur mahupun kultur. Perlakuan diskriminasi dan tidak setara tersebut boleh menimbulkan kerugian dan menurunkan kesejahteraan hidup bagi pihak-pihak yang terpinggirkan dan menjadi subordinasi. Justeru sehingga kini diskriminasi berdasar kepada gender masih dirasakan hampir di seluruh dunia, termasuk negara Indonesia. Dengan demikian, kaum perempuan adalah yang paling berpotensi menerima perlakuan yang diskriminasi, meskipun tidak tertutup kemungkinan laki-laki juga boleh mengalaminya.

Jumlah perempuan sebagai pekerja rumah tangga (PRT) meningkat dari tahun ke setahun (Prolog:2005), misalnya pada tahun 2009 jumlah PRT di Indonesia sebanyak 10.744.887 orang dan hampir 90% diantaranya adalah PRT perempuan. Data PBB bahkan menunjukkan bahwa 1/3 penduduk dunia hidup di bawah garis kemiskinan dan sekitar 70% diantaranya adalah perempuan.

Banyaknya permasalahan yang dihadapi perempuan sebagai PRT disebabkan belum ada jaminan terhadap hak-hak mereka, dalam hal ini perlindungan terhadap profesi PRT masih belum mencukupi. Permasalahan tersebut misalnya gaji atau upah yang tidak dibayar, jumlah gaji yang tidak wajar, hingga gangguan atau keganasan, baik secara fizikal, psikologi, seksual atau terlantar rumah tangga. Kaum perempuan sebagai PRT mempunyai potensi mengalami kekerasan fizikal atau penyiksaan yang dilakukan ahli rumah tangga terutama majikan dan anak majikan tempat PRT bekerja.

Dalam kes keganasan dalam rumah tangga seperti tindakan yang terlantar merupakan tindakan yang paling mudah terdedah menjadi mangsa dalam perkara ini misalnya perempuan/isteri, anak dan pekerja rumah tangga (PRT). Pekerja Rumah tangga berada dalam lingkup rumah tangga yang diperuntukkan dalam fasal 2 ayat (1 c) UU No. 23 Tahun 2004 Tentang Penghapusan Kekerasan Dalam Rumah Tangga (KDRT), yang berbunyi;

"lingkup rumah tangga termasuk orang yang bekerja membantu rumah tangga dan menetap dalam rumah tangga tersebut".

Selanjutnya merupakan suatu kewajiban untuk melindungi PRT yang berada di lingkup rumah tangga seperti apa yang diperuntukkan dalam pasal 9 ayat (1) UU No. 23 Tahun 2004 yaitu kewajiban memberikan kehidupan, perawatan, atau pemeliharaan kepada orang tersebut meliputi memberikan keperluan primer kepada orang-orang yang menjadi tanggungannya (dalam erti tidak diterlantarkan), termasuk kepada pekerja rumah tangga yang hidup menetap dalam keluarga tersebut.

Bentuk penelantaran terhadap keluarga termasuk dalam kategori peristiwa jenayah "omisionis" (Muchsin, 2011), maksudnya adalah terjadinya kesalahan kerana seseorang cuai melaksanakan suruhan atau tidak berbuat". Sementara itu memberikan kehidupan kepada orang-orang yang berada di bawah kendalinya adalah merupakan perintah undang-undang". Oleh itu, apabila ia tidak memberikan sumber kehidupan tersebut kepada orang-orang yang menjadi tanggungannya bererti ia telah cuai melaksanakan suruhan atau tidak berbuat.

Data yang dikumpulkan oleh Komisi Nasional Perempuan dan sejumlah LSM menunjukkan banyaknya persoalan yang dihadapi PRT sama ada yang berkaitan dengan jam kerja, beban kerja, upah, keganasan mahupun permasalahan lainnya. Data Komisi Nasional Perempuan menunjukkan bahawa 15.515 kes keganasan terhadap perempuan, 73 kes diantaranya merupakan kes keganasan terhadap PRT. Persoalan yang dihadapi oleh PRT sebahagian besar perempuan, baik kes keganasan mahupun pelanggaran hak PRT. Isu tentang PRT juga merupakan isu perempuan, kerana isu permasalahan umumnya lebih banyak dihadapi oleh perempuan dari pada laki-laki. Dari sisi ekonomi, sebahagian besar perempuan terpaksa menjadi PRT kerana alasan ekonomi iaitu kemiskinan. Jika dilihat dari sisi pendidikan, ternyata perempuan yang berstatus sebagai PRT adalah mereka yang memiliki tingkat pendidikan rendah, bahkan terkadang buta huruf. Dari sisi sosial, ada anggapan bahawa PRT adalah pekerjaan yang rendah, padahal justeru banyak perempuan yang memilih menjadi PRT. Dalam isu politik sehingga saat ini belum ada pengakuan terhadap PRT sebagai suatu profesi yang sejajar dengan profesi lainnya.

Perlindungan undang-undang ke atas perempuan sebagai PRT secara tegas diatur dalam hukum antarabangsa tentang perlindungan perempuan dari segala bentuk diskriminasi iaitu Konvensyen mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi terhadap Wanita (*Convention on the Elimination of All Forms of Discrimination against Women /CEDAW*) yang telah diratifikasi melalui Undnag-Undang No. 7 Tahun 1984 yang populernya disebut dengan Konvensyen Perempuan. Kewajiban untuk menghilangkan segala bentuk diskriminasi terhadap perempuan dalam bidang ekonomi dan ketenagakerjaan diperuntukkan dalam pasal 11 Konvensi CEDAW.

Dalam publikasi *Internasional Labour Organization* (ILO) kantor perburuhan Internasional di Jakarta, menyebutkan bahawa pekerja rumah tangga masuk dalam sektor ekonomi bukan formal. Berbeza dengan para pekerja yang berada dalam

sektor formal, yang mana mereka dilindungi oleh Undang-Undang No. 13 Tahun 2003 tentang Ketenagakerjaan. Dalam publikasi tersebut dijelaskan bahawa pemerintah menyatakan majikan pekerja rumah tangga dikelompokkan sebagai "pemberi kerja". Majikan bukan termasuk badan usaha (*legal entity*) dan bukan "pengusaha" seperti yang diperuntukkan dalam artian Undang-Undang Ketenagakerjaan. Oleh itu, PRT dianggap tidak dipekerjakan oleh pengusaha, kerana mereka tidak diberikan perlindungan oleh Undang-Undang Ketenagakerjaan.

Pada dasarnya pengaturan hubungan antara PRT dengan majikan hanya berdasarkan kepercayaan, berbeza dengan mekanisme hubungan kerja di sektor formal yang menyediakan mekanisme penyelesaian pertikaian di Pengadilan Hubungan Industrial. Rang Undang-Undang Tentang Perlindungan Pekerja Rumah Tangga (RUU PPRT) sebenarnya telah menjadi RUU berdasarkan permohonan daripada Dewan Perwakilan Rakyat (Parlimen) semenjak masa 2004-2009, yang sudah termasuk dalam Program legislasi Nasional (Prolegnas). Prolegnas adalah instrumen perencanaan program pembentukan Undang-Undang yang disusun secara terencana, terpadu, dan sistematis untuk masa tertentu. Namun, sehingga kini suruhanjaya DPR dalam bidang ketenagakerjaan dan bertanggung jawab untuk membahas RUU PPRT belum melanjutkan pembahasan tersebut. Pada tingkat peraturan usaha perlindungan terhadap PRT masih belum terpenuhi. Padahal di tingkat aktivis dan LSM sudah melakukan pendampingan terhadap PRT yang menghadapi masalah, misalnya Jaringan Nasional Perlindungan Pekerja Rumah Tangga (Jala PRT) sebagai salah satu organisasi yang melakukan pendampingan kepada PRT. Dengan demikian, telah terjadi pertentangan antara yang terjadi di tingkat *legislation* dengan amalan yang terjadi.

Banyaknya pelanggaran terhadap hak-hak PRT telah menjadi salah satu faktor pendorong lahirnya kesedaran perlu sebuah aturan yang komprehensif tentang PRT yang dapat melindungi hak mereka. Banyaknya inisiatif dan keinginan untuk segera di buat UU PPRT justeru banyak muncul daripada kelompok aktivis perempuan. Perkara ini disebabkan kerana sebahagian besar PRT yang menghadapi masalah adalah perempuan. Sementara itu Undang-Undang No.13 Tahun 2003 Tentang Ketenagakerjaan tidak menjangkau perlindungan undang-undang ke atas PRT. Tetapi sejumlah peraturan perundang-undangan nasional telah mengatur dan memberikan perlindungan di bidang-bidang tertentu, meski secara berasingan dan terhad. Hasil temuduga dengan Kepala Bidang Pengawasan Dinas Tenaga Kerja Kota Palembang, bahawa Pekerja rumah tangga (PRT) bukanlah buruh, kerana mereka ditempatkan di rumah tangga bukan di perusahaan. Dinas Tenaga Kerja hanya mengawal tenaga kerja dalam sektor formal sahaja sebagaimana ditentukan dalam Undang-Undang No. 13 tahun 2003.

Perlindungan terhadap pekerja rumah tangga (PRT) diberikan dengan mengingat asas penghormatan hak asasi manusia dan keadilan serta asas setara. Perlindungan tersebut bertujuan untuk memberikan pengakuan undang-undang atas jenis pekerjaan PRT, iaitu pengakuan terhadap pekerja rumah tangga yang mempunyai nilai ekonomis, mencegah segala bentuk diskriminasi, ganggaa dan

keganasan terhadap PRT, perlindungan kepada PRT dalam mewujudkan kesejahteraan, mengatur hubungan kerja yang menjunjung tinggi nilai-nilai kemanusiaan, keadilan dan setara. Perlindungan terhadap perempuan sebagai PRT diperuntukkan dalam pelbagai perundangan-undangan, antaranya dalam perlembagaan iaitu pasal 27 ayat (1,2) dan pasal 28 D, Undang-Undang Dasar 1945, Konvensyen Hak Ekonomi Sosial dan Budaya yang diratifikasi oleh pemerintah Indonesia menjadi Undang-Undang No. 11 Tahun 2005 Tentang Pengesahan Konvensyen Hak Ekonomi, Sosial dan Budaya, Kitab Undang-Undang Hukum Pidana, Undang-Undang No. 13 Tahun 2003 Pasal 5 yang mengatur bahawa "setiap orang mempunyai hak yang sama untuk mendapatkan pekerjaan tanpa diskriminasi", Undang-Undang No. 23 Tahun 2004 tentang KDRT sesuai dengan pasal 1 (1) bahawa "kekerasan dalam rumah tangga adalah setiap perbuatan terhadap seseorang terutama perempuan, yang berakibat timbulnya kesengsaraan atau penderitaan secara fizikal, seksual, psikologis, dan atau penelantaran rumah tangga termasuk ancaman untuk melakukan pemaksaan, perampasan kemerdekaan secara melanggar undang-undang dalam lingkup rumah tangga". Kemudian dalam Pasal 2 (1c) bahawa "orang yang bekerja membantu rumah tangga dan menetap dalam rumah tangga tersebut, sebagaimana huruf c dipandang sebagai anggota keluarga dalam jangka waktu tertentu selama berada dalam rumah tangga yang bersangkutan". Perlindungan undang-undang terhadap PRT diperuntukkan juga dalam Undang-Undang No. 39 Tahun 1999 tentang HAM, serta Konvensyen ILO No. 189 tentang Kerja Layak Pekerja Rumah Tangga (PRT). Pelbagai undang-undang ini boleh dijadikan sebagai pendorong bagi pemerintah Indonesia yang nantinya sebagai landasan bagi perlindungan undang-undang terhadap PRT.

Perlindungan terhadap perempuan sebagai PRT seperti yang diperuntukkan dalam UU No. 23 tahun 2004, apabila terjadi kekerasan dalam rumah tangga termasuk pekerja rumah tangga (PRT) maka undang-undang ini juga memberikan hak-hak bagi mangsa, iaitu berhak mendapatkan perlindungan daripada pihak keluarga, polisi, peguam negara, mahkamah, peguam, institusi sosial atau pihak lainnya, perkhidmatan kesihatan dan sebagainya. Peruntukkan ini ditegaskan dalam pasal 5 UU No. 23 Tahun 2004 yang menyebutkan bahawa keganasan dalam rumah tangga antaranya terlantar dalam rumah tangga yang melingkupi pekerja rumah tangga. Penyelaras Jaringan Advokasi Nasional Pekerja Rumah Tangga (Jala PRT), Lita Anggra menjelaskan Rang Undang-Undang PPRRT dan ratifikasi Konvensyen ILO 189 tidak pernah dibahas apatah lagi disahkan kerana tidak menjadi prioriti Prolegnas DPR untuk tahun 2015. Padahal, Rang Undang-Undang sudah di DPR semenjak 11 tahun silam.

PRT sebagai tenaga kerja mempunyai hak dan kewajiban dan mendapatkan perlindungan undang-undang. Aspek ketenagakerjaan hendaklah selaras dengan ketenagakerjaan saat ini yang demikian laju berkembang, sehingga substans kajian undang-undang ketenagakerjaan tidak hanya melingkupi hubungan kerja sebenar, tetapi berubah menjadi hubungan antara pekerja, pengusaha, dan pemerintah yang substans kajian tidak hanya mengatur hubungan hukum dalam hubungan kerja tetapi juga hubungan selepas kerja. Bidang ketenagakerjaan sebelum hubungan

kerja adalah berkaitan dengan aktiviti mempersiapkan calon tenaga kerja sehingga memiliki ketrampilan yang cukup untuk memasuki dunia kerja, termasuk usaha memperoleh pekerjaan baik di dalam mahupun di luar negara dan mekanisme yang mesti diketahui oleh tenaga kerja sebelum mendapat pekerjaan (Lalu, 2000). Oleh itu, pekerjaan rumah tangga atau pekerjaan domestik (PRT) adalah salah satu jenis pekerjaan yang layak dilindungi. Indonesia memerlukan pengaturan yang melindungi PRT, seperti standard upah PRT domestik yang nantinya dapat memudahkan sebagai rujukan bagi pemerintah dalam negosiasi perlindungan Tenaga Kerja Indonesia (TKI) dengan negara tujuan (Hamsirwan, 2010). Indonesia sulit mengajukan upah minimum TKI dalam MOU dengan negara lain kerana Indonesia juga belum menetapkan perkara ini.

Rang undang-undang perlindungan pekerja rumah tangga daripada elemen masyarakat melalui LSM mahupun pihak akademik yang sentiasa mengawal dan mendukung tercapainya Prolegnas terkait dengan perlindungan pekerja rumah tangga, akan memberikan beberapa petunjuk permasalahan yang semestinya terdapat penyelesaian alternatif terhadap permasalahan tersebut. Salah satunya adalah dengan payung rang undang-undang yang akan ditetapkan menjadi undang-undang. Indikator masalah yang muncul dalam perlindungan pekerja rumah tangga adalah terkait dengan aspek pengakuan terhadap pekerja rumah tangga sebagai pekerja, jumlah upah minimum, kontrak kerja, jamkerja/waktu, kesehatan, keselamatan kerja, waktu istirahat, cuti, perlindungan terhadap kekerasan fizikal maupun psikis, standard kompetensi PRT, serta aspek sosial dan kultur masyarakat pengguna jasa PRT di daerah. Selain banyaknya permasalahan yang dihadapi PRT yang sebahagian besar adalah perempuan, baik kes keganasan mahupun pelanggaran PRT sebagai perempuan.

Dilihat dari sudut ekonomi, sebahagian besar perempuan terpaksa menjadi PRT, kerana alasan ekonomi iaitu "kemiskinan". Dari sisi pendidikan, mereka memiliki tingkat pendidikan yang rendah, bahkan terkadang buta huruf. Dari sisi sosial, banyak perempuan yang memilih menjadi PRT kerana adanya anggapan bahawa PRT adalah pekerjaan rendah, tidak memerlukan keahlian dan pekerjaan ini paling mudah dilakukan. Sementara dalam isu politik, sehingga saat ini belum "ada pengakuan terhadap PRT sebagai suatu profesi yang sejajar dengan profesi lainnya".

#### **Faktor-faktor Penghalang Perlindungan Undang-undang keatas Perempuan PRT**

Dalam kenyataannya, usaha yang telah dilakukan dalam rangka perlindungan ke atas PRT belum berjalan seperti yang diharapkan. Keadaan ini terbukti dengan banyak kes tentang penganiayaan, penyiaksaan terhadap pekerja rumah tangga, protes, pemogokan yang dilakukan para pekerja/buruh yang berakhir dengan pemutusan hubungan kerja berakibat bertambahnya jumlah penangguran. Sebagaimana diperuntukkan dalam pasal 27 ayat (2) dan pasal 28 D ayat (2) bahawa "Setiap orang berhak untuk bekerja serta mendapat imbalan dan perlakuan

yang adil dan layak dalam hubungan kerja". Tetapi dalam amalnya sangat berbeza, pekerja rumah tangga (PRT) jarang sekali disebut sebagai pekerja (*workers*), melainkan hanya sebagai pembantu (*helper*). Hal ini memperkuatkan keengganan budaya untuk memformalkan hubungan antara pekerja rumah tangga dengan majikan. Sebagai pengganti para majikan memandang peranan mereka sebagai peranan paternalistik.

Berkaitan dengan itu, karena sifat hubungan yang bukan formal, kekeluargaan dan paternalistik antara PRT dan majikan, berakibat penyelesaian sengketa yang menyangkut hak dan kewajiban PRT dilakukan dengan cara bukan formal. Artinya PRT tidak memiliki akses terhadap mekanisme-mekanisme seperti pengadilan industri yang dibentuk untuk menyelesaikan perselisihan pekerja di sektor formal. Undang-Undang No. 13 Tahun 2003 Tentang Ketenagakerjaan tidak menjangkau para PRT ke dalam sistem perundangan umum mengenai hubungan kerja.

Meskipun secara normatif PRT sebagai pekerja telah dilindungi oleh pelbagai peraturan perundang-undangan mahupun Konvensyen antarabangsa, namun dalam amalnya PRT merupakan profesi yang sangat peka terutama PRT perempuan. Selama ini PRT perempuan masih mengalami diskriminasi, kerana PRT perempuan memiliki kepekaan yang secara umum disebabkan oleh pelbagai faktor berikut:

- a. kewujudan PRT sangat tergantung permintaan pasar;
- b. sangat jarang ada kontrak kerja bertulis yang adil dan menjadi persetujuan bersama pihak-pihak yang terlibat, hal ini berakibat majikan memegang posisi tawar jauh lebih kuat dan PRT tidak memperoleh perlindungan;
- c. salah satu keuntungan PRT adalah fleksibiliti dalam mengatur jam kerja, dalam amalan PRT mesti bekerja lebih keras dan lebih lama setiap harinya;
- d. upah PRT yang diperoleh sangat rendah bila dibandingkan dengan jam kerjanya.

Selain perkara di atas, ada beberapa faktor yang mengakibatkan masih lemahnya perlindungan undang-undang dan sosial bagi perempuan sebagai PRT, sama ada aspek undang-undang mahupun aspek sosial, berikut:

- a. aspek undang-undang, iaitu:
  - (i) adanya anggapan bahawa PRT bukan pekerja; dan
  - (ii) tempat kerja PRT berpotensi menimbulkan keganasan.

- b. aspek sosial iaitu:
  - (i) relasi kekuasaan yang tidak seimbang;
  - (ii) status sosial PRT yang rendah dan kurang dihargai;
  - (iii) kultur masyarakat; serta pekerjaan yang dilakukan PRT tidak dianggap sebagai pekerjaan produktif.

Selain perkara di atas, faktor sub-ordinasi dan stereotype menjadikan lemahnya perlindungan hak-hak PRT perempuan. Konsep sub-ordinasi bahawa relasi kerja antara majikan dan PRT yang didasarkan pada relasi kekuasaan yang tidak seimbang. Majikan berada pada posisi superordinat, sementara perempuan sebagai PRT sebagai sub-ordinat. Keadaan ini diperkuat adanya ketergantungan PRT terhadap majikannya, kerana PRT memerlukan pekerjaan sehingga mereka bersedia diberi upah yang rendah. Pandangan stereotype yang menganggap bahawa pekerjaan rumah tangga adalah pekerjaan yang tidak memerlukan keahlian serta tidak profesional menyebabkan pekerjaan sebagai PRT mempunyai status sosial yang rendah dan kurang dihargai. Pekerjaan rumah tangga dianggap sebagai kodrati perempuan, sehingga upah yang diterima oleh PRT juga lebih rendah dibandingkan profesi lainnya. Menurut Todaro dan Smith, pekerja rumah tangga (PRT) tergolong sebagai pekerja di sektor bukan formal, iaitu sektor yang tidak terorganisasi (*unorganized*), tidak diatur (*unregulated*), dan sebahagian besar legal tetapi tidak terdaftar (*unregistered*). Ketiga-tiga faktor tersebut menjadikan profesi PRT memang tidak terorganisasi, tidak diatur dan tidak terdaftar.

#### Pekerja Rumah Tangga: Perlakuan Keganasan, Fizikal, Psikologi, Ekonomi dan Seksual

Berhubung dengan perlindungan undang-undang, bahawa fungsi undang-undang dalam memberikan perlindungan sebagai suatu cara atau instrumen untuk mengatur kewajiban dan hak-hak sebagai subjek. Disamping itu (H. Muchsin, 2011), undang-undang juga berfungsi sebagai instrumen perlindungan bagi subjek sebagai perlindungan kepentingan manusia.

Secara antarabangsa instrumen undang-undang yang mengatur perlindungan hak-hak perempuan sebagai PRT dalam Konvensyen mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita atau yang dikenal dengan CEDAW telah diratifikasi berdasarkan Undang-Undang No. 7 Tahun 1984 (Konvensyen Perempuan).

Walaupun secara normatif hak-hak perempuan sebagai PRT sudah mendapat perlindungan undang-undang dalam sistem peraturan perundang-undangan nasional. Namun pelanggaran HAM, yang melibatkan pekerja rumah tangga masih sering terjadi dalam lingkungan masyarakat. Kehadiran undang-undang sebagai suatu yang sangat diperlukan seperti mempertahankan kelangsungan hidup

masyarakat, dan cara-cara melindungi masyarakat dari gangguan sama ada dari dalam mahupun dari luar. Dengan demikian, undang-undang diterima dari sudut pandang yang sangat luas, khususnya mengenai tempat dan peranannya dalam masyarakat. Paradigma sistem undang-undang yang diajarkan oleh Lawrence M. Friedman terdiri atas 3 (tiga) komponen iaitu komponen struktur, substansi dan budaya undang-undang (Rabiatul, 2008). Ketiga-tiga komponen menyebutkan bahawa komponen struktur merupakan bahagian daripada sistem undang-undang yang bergerak dalam suatu mekanisme, termasuk dalam komponen ini antaranya pembuat undang-undang, mahkamah dan institusi yang diberi kuasa untuk menerapkan undang-undang serta institusi yang diberi kuasa melakukan penindakan terhadap pihak yang melanggar ketentuan undang-undang. Komponen substans iaitu hasil kerja nyata yang diterbitkan oleh sistem undang-undang. Hasil ini berwujud undang-undang *in concreto* atau kaidah undang-undang khusus dan kaidah undang-undang *in abstracto* atau kaidah undang-undang umum. Budaya undang-undang diertikan keseluruhan sistem nilai serta sikap yang mempengaruhi undang-undang. Masyarakat yang sedang membangun hendaklah mengetahui interaksi antara undang-undang dengan faktor-faktor lainnya dalam perkembangan masyarakat, utamanya ekonomi dan sosial.

Setiap warga negara baik laki-laki mahupun perempuan mempunyai hak untuk bekerja seperti yang diperuntukkan dalam pasal 27 ayat (1) UUD 1945. Selain mempunyai hak yang sama untuk bekerja, pekerja laki-laki dan perempuan juga mempunyai hak upah yang sama dalam pekerjaan yang sama nilainya. Demikian juga perempuan sebagai pekerja rumah tangga mendapat hak yang sama sesuai dengan pekerjaan yang dilakukan. Dengan adanya pengaturan secara normatif terhadap pekerja rumah tangga, bererti hukum undang-undang sudah berfungsi sesuai dengan tujuannya iaitu menciptakan ketertiban dalam masyarakat. Selain itu, (Suparno, 2007) undang-undang yang berkuatkuasa dalam masyarakat hendaklah mencerminkan rasa keadilan, kerana undang-undang mengandungi nilai-nilai sebagai pedoman tingkah laku bagi anggota masyarakat. Gustav Radbruch mengatakan bahawa undang-undang mengandungi tiga nilai dasar iaitu kepastian, kemanfaatan dan keadilan. Dengan demikian undang-undang sebenar mengandungi ide-ide atau keinginan-keinginan tertentu yang memang dikehendaki oleh masyarakat.

Majoriti Pekerja Rumah Tangga Indonesia adalah perempuan dan anak perempuan. Mereka sangat terdedah terhadap eksploitasi dan perlakuan buruk. Oleh itu, RUU Perlindungan Pekerja Rumah Tangga diharapkan segera disahkan. Apatah lagi di era globalisasi sekarang ini, yang mana permasalahan semakin kompleks termasuk pelanggaran di bidang ekonomi, sosial, budaya yang sudah tentu akan menghambat tujuan negara. Dalam bidang undang-undang perlu pengaturan yang lebih tepat mengenai hak asasi manusia ekonomi, sosial dan budaya melalui pembangunan hak asasi manusia.

Perlindungan terhadap perempuan sebagai pekerja rumah tangga (PRT) sebagai salah bentuk pelaksanaan hak asasi manusia sebagaimana diatur dalam

pasal 1 ayat 1 Undang-Undang No. 39 Tahun 1999 tentang HAM, bahawa " Hak asasi manusia adalah seperangkat hak yang melekat pada hakikat dan keberadaan manusia sebagai makhluk Tuhan Yang Maha Esa dan merupakan anugerahNya yang wajib dihormati, dijunjung tinggi dan dilindungi oleh negara, undang-undang, pemerintah dan setiap orang demi kehormatan serta perlindungan harkat dan martabat manusia. Perlindungan terhadap perempuan sebagai pekerja rumah tangga secara lengkap sudah diatur dalam UUD 1945, misalnya hak pendidikan sebagai salah satu hak dasar manusia, hak warga negara atas pekerjaan dan penghidupan yang layak bagi kemanusiaan, hak memiliki keturunan, hak untuk bekerja serta mendapatkan imbalan dan perlakuan adil dan layak dalam hubungan kerja, hak memilih pekerjaan, hak hidup sejahtera lahir dan batin, hak memperoleh pelayanan kesehatan. Namun dalam implementasinya hak-hak tersebut masih belum dijalankan dengan baik (Erlina, 2011, Jurnal Ilmu Hukum Pranata Hukum, Bandar Lampung: Universitas Bandar Lampung).

Dari hasil temubual bahagian hukum dan Ortala Kota Palembang, Dinas Tenaga Kerja Kota Palembang, WCC Palembang serta Polresta Palembang, bahawa kewujudan perempuan sebagai pekerja rumah tangga selama ini sukar dilakukan pengawasan kerana selain kewujudannya tidak terdaftar, tidak terorganisasi juga dari pihak majikan sendiri tidak melapor kepada pemerintah daerah setempat. Peraturan daerah yang belum mengatur perlindungan undang-undang terhadap perempuan sebagai PRT. Perkara ini disebabkan pihak Pemerintah Daerah masih menunggu payung undang-undang terlebih dahulu secara nasional. Apabila pekerja rumah tangga mendapat perlakuan yang tidak semestinya misalnya keganasan fizikal, psikis, ekonomi, bahkan seksual, maka dapat menggunakan peraturan perundang-undangan yang sudah ada misalnya Undang-Undang No. 23 Tahun 2004 tentang KDRT, Undang-Undang No. 39 Tahun 1999 tentang HAM, KUHP, KUHPerdara. Disimpulkan bahawa perlindungan undang-undang terhadap perempuan sebagai pekerja rumah tangga (PRT), dapat melalui perlindungan hukum di bidang HAM, bidang Jenayah dan Hukum Perdata.

Banyaknya kes dan peristiwa yang menimpa perempuan sebagai PRT dewasa ini, merupakan realita dan fakta bahawa sering terjadinya berbagai penolakan yang dilakukan masyarakat terhadap produk undang-undang, seperti penolakan tentang upah buruh. Bahkan bentuk penolakan ini tidak jarang menimbulkan pelbagai bentuk keganasan yang dilakukan baik oleh masyarakat sendiri mahupun oleh aparat penegak undang-undang. Berkaitan dengan pembangunan undang-undang yang sekarang sedang dilakukan khususnya pindaan tentang Undang-Undang No. 13 Tahun 2003 tentang Ketenagakerjaan menurut pendapat Syahrul Effendi Kasubbag Perundang-Undangan Sekda Kota Palembang dapat diertikan sebagai:

- a. suatu usaha untuk memperbaharui undang-undang yang berkuatkuasa, sehingga sesuai dengan keperluan untuk melayani masyarakat pada tingkat perkembangannya yang mutakhir yang disebut dengan modernisasi undang-undang moden.

b. suatu usaha untuk memfungsikan undang-undang dalam masa pembangunan, yaitu dengan cara turut mengadakan perubahan-perubahan sosial sebagaimana diperlukan oleh suatu masyarakat yang sedang membangun.

Hal tersebut ditegaskan pula oleh Mohammad Koesnoe bahawa undang-undang tidak terpisahkan dari masyarakat. Perubahan dalam masyarakat ini sudah tentu sangat berpengaruh terhadap perkembangan undang-undang dalam masyarakat. Kerana perubahan di bidang undang-undang boleh mempengaruhi perkembangan dalam masyarakat. Demikian juga perubahan dalam masyarakat dapat mempengaruhi perkembangan undang-undang yang terdapat dalam masyarakat yang bersangkutan. Undang-undang sebagai kaidah sosial tidak lepas daripada nilai (*values*) yang berlaku dalam suatu masyarakat. Bahkan undang-undang itu merupakan pencerminan dari nilai-nilai yang berlaku dalam masyarakat. Undang-undang yang baik adalah undang-undang yang hidup (*the living law*) dalam masyarakat.

#### Aspek Budaya Undang-undang Masyarakat dalam Kaitannya dengan Rang Undang-undang PPRT

Budaya undang-undang merupakan salah satu indikator penghalang sekaligus penunjang lahirnya suatu instrumen undang-undang. Instrumen tersebut lahir mewakili budaya masyarakat yang digali secara mendalam dan akan menjadi sebuah norma yang menempatkan kepentingan masyarakat tersebut dan dijadikan sebagai sumber undang-undang. Sebagaimana halnya sumber undang-undang pada umumnya. Undang-undang ketenagakerjaan bersumber daripada subjek undang-undang ketenagakerjaan iaitu pihak pekerja dan serikat pekerja serta badan atau LSM yang perhatian dan peduli terhadap permasalahan ketenagakerjaan. Menurut bahwa sumber hukum adalah segala apa saja yang dapat menimbulkan aturan-aturan yang mempunyai kekuatan yang bersifat memaksa yaitu aturan-aturan yang apabila dilanggar mengakibatkan sanksi yang tegas dan nyata. (CST. Kansil, 1984, Pengantar Ilmu Hukum dan Tata Hukum Indonesia, Jakarta: Balai Pustaka).

Sumber undang-undang dalam pembentukan undang-undang hendaklah merujuk kepada susunan perundang-undangan yang digunakan di Indonesia. Apabila Rang Undang-Undang (RUU) PPRT dikuatkuasakan, maka akan bertambah senarai undang-undang yang mengatur tentang tenaga kerja. Sebelumnya di Indonesia terdapat undang-undang Nomor 13 Tahun 2003 tentang Ketenagakerjaan, Undang-Undang Nomor 2 Tahun 2004 Tentang Penyelesaian Perselisihan Hubungan Industrial dan Undang-Undang No. 39 Tahun 2004 Tentang Perlindungan Tenaga Kerja Indonesia di Luar Negeri. Untuk itu perlu diingat bahawa dalam mekanisme pembentukan peraturan perundang-undangan, diperlukan adanya naskah akademik yang dihimpun dari permasalahan-permasalahan yang terjadi di masyarakat terkait dengan perlindungan pekerja rumah tangga. RUU PPRT merupakan ketentuan yang mengatur secara khusus tentang pekerja domestik. Kewujudan Undang-undang sebelumnya masih bersifat umum sehingga

belum menampung permasalahan perlindungan pekerja rumah tangga. Undang-undang yang umumnya dikaitkan dengan PRT adalah Undang-undang ketenagakerjaan, undang-undang penghapusan tindak kekerasan dalam rumahtangga (PTKDRT) dan undang-undang perlindungan anak. Dalam Undang-Undang No. 13 Tahun 2003 Tentang Ketenagakerjaan, kewujudan PRT belum diatur secara rinci tentang dasar terminologi pekerja rumah tangga. Akan tetapi Konvensyen ILO menegaskan bahawa PRT yang sebelumnya dikenal dengan "pembantu rumah tangga: sudah diakui dan dianggap sebagai "tenaga kerja".

Berkaitan dengan hak tersebut, bahawa bekerja merupakan hak asasi manusia yang wajib dijunjung tinggi, dihormati, dilindungi dan dijamin penegakannya. Setiap tenaga kerja mempunyai hak dan kesempatan yang sama tanpa diskriminasi untuk memperoleh pekerjaan dan penghasilan yang layak sesuai dengan kepakaran, keterampilan dan kemampuan. Jenis pekerjaan rumah tangga merupakan salah satu alternatif untuk menyerap jumlah tenaga kerja sebagai usaha mengurangkan jumlah pengangguran di dalam negeri. Jenis pekerjaan rumah tangga mempunyai karakteristik tersendiri sehingga memerlukan perlindungan (Draft Undang-Undang Tentang Perlindungan PRT (hukum online:2015). Hubungan antara PRT dengan dengan Pengguna Jasa PRT diikat dalam perjanjian kerja yang dibuat oleh kedua-dua pihak. Perjanjian kerja ini dibuat antara PRT dengan Pengguna Jasa Pekerja Rumah Tangga (PJPRT) memuat syarat-syarat kerja, hak dan kewajiban para pihak. Adanya perjanjian kerja ini sebagai bentuk sudah terjadinya perbuatan yang sah. Kerana perbuatan undang-undang mempunyai akibat iaitu akibat yang mempunyai hak untuk mendapat pengakuan dan perlindungan undang-undang. Demikian disebutkan dalam RUU PPRT pasal 1 butir 8 bahawa: "Perlindungan PRT adalah segala usaha untuk melindungi kepentingan PRT dalam mewujudkan terjaminnya pemenuhan hak-haknya sesuai dengan perjanjian kerja". Ditegaskan dalam pasal 3 RUU PPRT bahawa; "Perlindungan bagi PRT bertujuan memberikan:

- perlakuan kepada PRT secara manusiawi;
- jaminan memperoleh kesejahteraan;
- jaminan pemeliharaan kesihatan;
- jaminan keselamatan kerja;
- pemenuhan hak-hak sesuai dengan perjanjian kerja.

Perempuan sebagai PRT dalam kenyataannya merupakan profesi yang sangat mudah kerana selama ini PRT perempuan masih mengalami diskriminasi, yang secara umum disebabkan oleh berbagai faktor antara lain:

- kewujudan PRT sangat bergantung kepada permintaan pasar. Apabila pasar memerlukan, sehingga mereka lebih mudah mendapatkan pekerjaan. Di sisi lain PRT secara mendadak kehilangan penghasilan tanpa persiapan lebih dahulu. Tidak jarang PRT perempuan bersedia melakukan pekerjaan dengan upah yang sangat rendah.

- b. Sangat jarang ada kontrak kerja bertulis antara PRT dengan PJPRT yang adil dan menjadi kesepakatan bersama pihak-pihak yang terlibat. Tidak adanya kontrak kerja menyebabkan majikan sebagai PJPRT memegang posisi tawar jauh lebih kuat dan PRT tidak memperoleh perlindungan.
- c. Salah satu keuntungan PRT adalah fleksibilitas dalam mengatur jam kerja, dalam kenyataan PRT sering harus bekerja lebih keras dan lebih lama setiap harinya.
- d. Upah PRT yang diperoleh sangat rendah bila dibandingkan dengan jam kerjanya.

Tidak adanya peraturan perundang-undangan yang mengatur tentang PRT membawa implikasi yang sangat banyak. Sehubungan dengan itu sering terjadi pelanggaran undang-undang terhadap PRT antaranya perjanjian kerja yang disalahgunakan tidak sesuai dengan persetujuan, misalnya dijadikan pekerja seks, tidak ada mekanisme, tidak ada sistem kerja yang jelas seperti upah dan jam kerja, upah yang tidak dibayar atau upah yang sangat rendah, jam kerja yang panjang. Perkara tersebut merupakan bentuk eksploitasi serta kondisi kerja yang membahayakan tanpa perlindungan, tidak adanya jaminan kesehatan, kematian, kemalangan di tempat kerja. Selama ini masyarakat dan penguatkuasa menganggap keganasan dalam rumah tangga yang menimpa PRT sebagai permasalahan bukan publik atau permasalahan domestik (rumah tangga) yang tidak perlu campurtangan oleh orang luar. Relasi kerja yang dibentuk atas hubungan kekuasaan yang tidak seimbang, penghargaan yang rendah terhadap status PRT dan lingkup kerja yang spesifik membuat PRT mudah terhadap keganasan.

### Kesimpulan

Kewujudan pekerja rumah tangga (PRT) semakin meningkat dari tahun ke setahun khususnya di Bandar Palembang yang berubah menuju Bandar Metropolitan. Perubahan tersebut tidak diikuti dengan perubahan perangkat perundang-undangan yang mengatur tentang perlindungan undang-undang pekerja rumah tangga. Dalam hal perempuan sebagai PRT mengalami keganasan fizikal, psikis, psikologis, bahkan seksual dalam lingkungan kerja. Perangkat undang-undang yang digunakan terhadap kes PRT antaranya Kitab Undang-Undang Hukum Pidana, UU No. 23 Tahun 2004 tentang KDRT, UU No. 39 tahun 1999, dan UU No. 13 Tahun 1003 Tentang ketenagakerjaan.

Undang-Undang Ketenagakerjaan secara menyeluruh tidak dapat dijadikan payung undang-undang dalam menyelesaikan kes pekerja rumah tangga (PRT) kerana PRT tidak termasuk tenaga kerja di sektor formal. Faktor penghalang pihak perempuan sebagai PRT dalam menyelesaikan permasalahan yang dihadapi antaranya; pandangan *stereotype* yang menganggap bahawa pekerjaan rumah tangga adalah pekerjaan yang tidak memerlukan kepakaran serta tidak profesional,

menyebabkan pekerjaan sebagai PRT mempunyai status sosial yang rendah dan kurang dihargai. Pekerjaan rumah tangga dianggap sebagai kodrati perempuan, sehingga upah yang diterima oleh PRT juga lebih rendah dibandingkan profesi lainnya. Selain itu pekerja rumah tangga (PRT) tergolong sebagai pekerja di sektor bukan formal, iaitu sektor yang tidak terorganisasi (*unorganized*), tidak ada pengaturan (*unregulated*), dan sebahagian besar legal tetapi tidak terdaftar (*unregistered*). Ketiga-tiga faktor tersebut yang menjadikan profesi PRT menjadi tidak terorganisasi, tidak diatur dan tidak terdaftar. Usaha memberikan perlindungan undang-undang terhadap perempuan sebagai PRT, dapat dilakukan melalui perlindungan berdasarkan aspek Hukum Administrasi Negara iaitu UUD 1945, UU No. 39 Tahun 1999, UU No. 1 tahun 2000 Pengesahan ILO No. 182, UU No. 7 tahun 1984 (ratifikasi CEDAW) serta Konvensyen ILO No. 189. dari aspek hukum Pidana ada dalam KUHP, sedangkan perlindungan dari aspek hukum Perdata, KUHPperdata, UU No. 23 Tahun 2004 tentang KDRT, UU No. 1 Tahun 1979 tentang keselamatan Kerja, UU No. 13 Tahun 2003 tentang Ketenagakerjaan.

Melihat dan mencermati kondisi sekarang ini, pemerintah sudah seharusnya segera meratifikasi Konvensi ILO 189 tentang Kerja Layak bagi PRT. Untuk menghapuskan segala bentuk diskriminasi dan pengakuan hak-hak pekerja rumah tangga sebagai UU-PPRT. Periode DPR 2009-2014 RUU PPRT sudah menjadi prioritas dalam Prolegnas, agar pemerintah segera mengesahkan RUU PPRT tersebut sebagai payung undang-undang dalam memberikan perlindungan undang-undang ke atas PRT khususnya perempuan. PRT perempuan harus diberikan perlindungan yang sama seperti pekerja lainnya. Langkah seperti itu akan membantu memastikan bahawa mereka tidak lagi mudah untuk di eksploitasi dan penyalahgunaan. Perlu dilakukan kajian lanjutan agar menghasilkan Peraturan Daerah tentang Perlindungan Perempuan pekerja rumah tangga khususnya di Kota Palembang.

### Rujukan

- Artina, Dessy "Politik Hukum Kesetaraan Gender di Indonesia" Jurnal Ilmu Hukum, Edisi 1 No. 1 Tahun 2010, Universitas Riau.
- B, Erlina, "Pengaruh Globalisasi terhadap Perkembangan Hak Asasi Manusia Bidang Ekonomi, Sosial, Budaya di Indonesia" Jurnal Ilmu Hukum Pranata Hukum, Vol. 2 No. 2, Tahun 2011, Program Studi Magister Ilmu Hukum PPS Universitas Bandar Lampung.
- Husni, Lalu, 2000, Pengantar Hukum Ketenagakerjaan Indonesia, Jakarta:Raja Grafindo Persada.
- Ibrahim, Johnny, 2008, Teori dan Metodologi Penelitian Hukum Normatif, Malang: Bayu Media Publishing.



Kansil, CST, 1984, Pengantar Ilmu Hukum dan Tata Hukum Indonesia, Jakarta: Balai Pustaka.

Kansil, C.S.T, 2011, Pengantar Ilmu Hukum, Jakarta: Rineka Cipta.

Muchsin, H, "Menelantarkan Keluarga Merupakan Delik Omisionis," Jurnal Varia Peradilan Vol. XXVI No. 303 Tahun 2011

-----, "Perlindungan Anak Dalam Perspektif Hukum Positif (Tinjauan HAN, Hukum Perdata dan Hukum Pidana)", Jurnal Varia Peradilan Jakarta, Vol. XXVI, No. 308 Tahun 2011

Prolog, "Perempuan Dalam Dimensi Kemiskinan", dalam Jurnal Perempuan No. 42, Jakarta: Yayasan Jurnal Perempuan, 2005.

Rusli, Tami, "Pembangunan Hukum Berdasarkan Cita Hukum Pancasila" Jurnal Ilmu Hukum Pranata Hukum Vol. 6 No. 1 Tahun 2011, Program Studi Magister Ilmu Hukum PPS Universitas Bandar Lampung.

Syariah, Rabiatul, "Keterkaitan Budaya Hukum Dengan Pembangunan Hukum Nasional" Jurnal Hukum Equality Vol. 13 No. 1, Fakultas Hukum USU, Medan, Tahun 2008.

Suparno, "Penegakan Hukum Dalam Masyarakat Pluralisme" Jurnal Hukum Masalah-Masalah Hukum, Vol. 36 No. 2 Tahun 2007, Fakultas Hukum Undip, Semarang.

Susiana, Sali, "Urgensi Undang-Undang Tentang Perlindungan Pekerja Rumah Tangga Dalam Perspektif Feminis" Jurnal Legislasi Indonesia Jakarta, Vol. 7 No. 2 Tahun 2012.

RUU Perlindungan PRT mangkrak 11 Tahun, <http://www.republika.co.id/berita/nasional/jabodetabek-nasional/15/03/24/nloenz-ruu-perlindungan-prt-mangkrak-11-tahun> akses tanggal 29 Juli 2015.

Hamzirwan, 2010, Ketenagakerjaan Perlindungan PRT Jadi Konvensi, laporan wartawan Kompas, Selasa 15 Juni 2010, Jakarta.Kompas.com akses tanggal 26 Juli 2015.

## PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG KESELAMATAN DAN KESIHATAN MELALUI PEMERIKSAAN DI TEMPAT KERJA - SATU ANALISIS PERUNDANGAN

Nor Hasliza Mat Hassan  
Management and Science University, Malaysia

### ABSTRAK

Keselamatan dan kesihatan pekerja merupakan aspek yang tidak boleh dipandang sebelah mata. Tanggungjawab untuk memastikan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja terletak bukan sahaja di tangan majikan tetapi juga pekerja. Penguatkuasaan undang-undang yang dijalankan oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) adalah untuk memastikan keselamatan, kesihatan dan kebajikan orang yang sedang bekerja dan melindungi orang lain daripada bahaya-bahaya keselamatan dan kesihatan yang terbit daripada aktiviti pekerjaan. Pemeriksaan yang dibuat oleh JKKP adalah untuk memastikan pematuhan undang-undang oleh majikan di tempat kerja bagi mengelakkan kejadian yang tidak diinginkan berlaku. Oleh itu, kajian ini akan memfokuskan tentang pentingnya pemeriksaan sebagai prinsip pencegahan kemalangan di tempat kerja. Prinsip perundangan berhubung pemeriksaan yang diperuntukkan di bawah Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (AKKP) dan Akta Kilang dan Jentera 1967 (AKJ) kepada Pegawai Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (PKKP) dan Pemeriksa juga turut dibincangkan. Artikel ini juga turut menganalisis sejauh mana pemeriksaan secara proaktif dan reaktif yang dibuat oleh JKKP memberi kesan kepada pematuhan undang-undang. Dapatan kajian menunjukkan matlamat penguatkuasaan undang-undang melalui pemeriksaan yang dijalankan untuk mengelakkan kemalangan di tempat kerja tidak akan berjaya sepenuhnya tanpa kerjasama yang jitu dari majikan dan juga pekerja.

Kata kunci: Pemeriksaan, kemalangan, keselamatan

### Pengenalan

Keselamatan dan kesihatan pekerja merupakan isu hangat yang sering diperkatakan oleh majikan dan pekerja. Isu ini perlu diberi perhatian khusus kerana ia melibatkan kehilangan nyawa serta harta benda yang boleh menyebabkan kerugian bukan hanya kepada majikan tetapi juga kepada pekerja. Majikan menggalas tanggungjawab besar dalam menjaga keselamatan dan kesihatan pekerja yang berada di bawah jagaannya dengan menyediakan tempat kerja yang selamat. Tempat kerja yang selamat ialah tempat kerja yang bebas dari kemalangan dan kecederaan (Jafri et al., 2005). Tempat kerja juga dikira selamat sekiranya hazard yang mempunyai potensi dan risiko berbahaya kepada keselamatan dan kesihatan dihapuskan atau dikawal dengan berkesan (O'Neill' et al., 2013).